

Efikasi Kendiri Kaunseling dan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia

Level of Counseling Self-Efficacy and Level of Competency for Multicultural Counseling Among Counselors in Secondary School in Malaysia

Aida Nubailah Noor¹, Salleh Amat¹, Abu Yazid Abu Bakar¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: yazid3338@ukm.edu.my No. HP: +6019-2246917

Abstract: The purpose of this study was to examine the level of counseling self-efficacy and level of competency for multicultural counseling among counselors in secondary school in Malaysia. It aims to review the level of counseling self-efficacy and level of competency in multicultural counseling based on gender and experience among secondary school counselors. A total number of 140 respondents (secondary school counselors) have been involved in this research. Result shows that the respondents possess high level of counseling self-efficacy and multicultural counseling competency; and both differ based on gender and length of working experience as secondary school counselors. Moreover, the study exhibits a significant correlation between counseling self-efficacy and multicultural counseling competency. Suggestions and implications from this study were also discussed in this article.

Key Words: Counseling self-efficacy; multicultural counseling competency; school counseling

PENDAHULUAN

Keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia semakin mendapat tempat dan meliputi semua lapisan masyarakat terutamanya dari segi perubahan sosial yang menyentuh kepada perubahan budaya dan cara hidup masyarakat. Bermula dengan bimbingan dan kaunseling di sekolah, perubahan sosial yang berlaku telah memperlihatkan kepentingan kaunseling sebagai perkara yang utama dalam masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Pekeliling KP5209/35(4), telah menguatkuasakan pelantikan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dalam aspek pembangunan modal insan untuk memacu agenda pembangunan negara.

Kaunselor berperanan memberi perkhidmatan kepada komuniti terutama di sekolah apabila berhadapan dengan cabaran yang perlu ditangani terutama masalah disiplin pelajar, gejala sosial serta pengaruh budaya luar yang kian menular. Kesedaran dan keyakinan terhadap keupayaan diri kaunselor dalam melaksanakan tugas menuntut efikasi sendiri yang tinggi dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya bagi memastikan segala tugas dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Bandura (1977) menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan berkebolehan dan berkemampuan melaksanakan sesuatu tugas dengan mencapai piawai yang ditetapkan. Ekoran itu dalam perkembangan kaunseling, efikasi sendiri mempunyai hubung kait yang merujuk kepada kaunselor yang dinamakan efikasi sendiri kaunseling.

Selain daripada efikasi sendiri kaunseling, cabaran utama profesion kaunseling memperlihatkan kecekapan kaunselor dalam menguasai pengetahuan, kaum, etnik, agama, budaya,



seksual dan latar belakang sosioekonomi. Kepelbagaian budaya ini telah meletakkan cabaran besar kepada kaunselor terhadap persediaan tentang kesedaran budaya secara spesifik. Ini disokong oleh Melati et. al (2014) yang menjelaskan bahawa seseorang kaunselor yang berkesan perlu memiliki kecekapan dan kefahaman terhadap aspek sosiobudaya. Persediaan bagi seorang kaunselor tidak hanya kepada penguasaan teori, kemahiran serta teknik yang dipelajari namun sebahagian daripadanya adalah ciri-ciri profesional yang boleh mempengaruhi efikasi sendiri dari aspek kecekapan. Kecekapan kaunseling pelbagai budaya dapat dikaitkan dengan keupayaan kaunselor mengintegrasikan faktor pelbagai budaya ke dalam pendekatan teori, teknik termasuklah secara khusus pengetahuan, kesedaran diri, sensitif dan kemahiran yang sesuai (Kamarul & Salleh, 2014).

Efikasi sendiri kaunseling yang tinggi serta kecekapan kaunseling pelbagai budaya akan dapat membantu kaunselor untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan benar-benar berkesan. Faktor iklim sekolah atau persekitaran juga dapat membantu kredibiliti kaunselor untuk lebih dipercayai dan diiktiraf sebagai profesional. Hal ini dianggap penting kerana pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan ini masih lagi kabur. Menurut Faizura (2014) stigma masyarakat adalah persepsi negatif masyarakat terhadap individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling manakala stigma sendiri merupakan persepsi negatif individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling terhadap diri sendiri. Kedua-dua jenis stigma ini boleh mengakibatkan individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling hilang peluang sosial serta mengalami penyusutan keyakinan diri dan penghargaan sendiri.

Di Barat, kajian berkaitan dengan efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya telah dilaporkan sebagai konstruk yang penting dalam memahami dan meningkatkan prestasi kaunselor (Gordillo, 2015; McCoy et al. 2008; Sutton & Falls, 1995). Namun begitu, perkara yang membimbangkan adalah kepelbagaian budaya yang pesat telah berkembang di sekolah-sekolah di Barat yang memerlukan kefahaman budaya dalam memberi perkhidmatan. Banyak isu-isu yang memberi kesan kepada pelajar minoriti terutamanya walaupun kaunselor mempunyai efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya di tahap yang tinggi. Oleh itu, meluaskan kajian dengan memberi tumpuan kepada kaunselor sekolah di bandar lebih cenderung berdepan kepelbagaian populasi pelajar yang sering menghadapi isu-isu diskriminasi, prejudis dan pencapaian akademik rendah (Gordillo, 2015).

Selain daripada itu, penerimaan Barat terhadap golongan lesbian, gay dan biseksual (LGB) semakin positif dan berkembang. Kepentingan perkhidmatan kaunseling yang berkesan telah mempengaruhi kaunselor dalam menjadikan efikasi sendiri dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya amat penting bagi memahami golongan ini. Menurut Gaa (2014), adalah penting bagi kaunselor pelatih untuk memahami sikap mereka sendiri yang mungkin berat sebelah apabila memberi perkhidmatan kepada golongan LGB. Kurang pengetahuan mewujudkan situasi yang boleh memudaratkan. Apa yang kaunselor katakan dan lakukan dalam sesi boleh menjadi perkara penting untuk kesejahteraan daripada klien LGB. Oleh itu, kaunselor memerlukan kesedaran yang tinggi untuk memberi terapi kualiti yang lebih baik untuk klien mereka.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memeriksa tahap efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia, di mana hubungan dan perbezaan antara keduanya akan diteliti berdasarkan faktor-faktor jantina serta tempoh pengalaman bekerja guru-guru yang menjadi responden kajian.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk tinjauan silang rentas, di mana dua set soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), di mana seramai 140 orang guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah telah dipilih sebagai responden kajian berdasarkan ciri-ciri pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan dijalankan. Pemilihan sampel

kajian adalah berdasarkan perkiraan yang disaran Krejcie dan Morgan (1970). Alat kajian yang digunakan adalah soal selidik *Counselor Self-Efficacy Scale* (CSS) yang dibina oleh Sutton dan Fall (1995), yang telah diterjemahkan oleh Hilmi (2006). Instrumen tersebut terdiri daripada dua komponen yang disebut oleh Bandura iaitu jangkaan kebolehan diri dan jangkaan hasil untuk menggambarkan kedudukan peranan kaunselor sekolah. Instrumen kedua iaitu Inventori Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya adalah instrumen yang terdiri daripada 26 item yang telah dibangunkan oleh Kamarul (2014). Instrumen ini adalah untuk mengenalpasti tahap kecekapan kaunseling pelbagai budaya serta perbezaannya dalam kalangan guru kaunseling sekolah menengah dengan mengambil kira kesesuaian terhadap budaya dan persekitaran masyarakat Malaysia.

Analisis-analisis deskriptif dan inferensi telah digunakan bagi mentafsirkan dapatan keseluruhan kajian. Data deskriptif telah dianalisis dalam bentuk-bentuk frekuensi, peratusan dan skor min, manakala analisis-analisis ujian *t*, ANOVA sehalu dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dibina dalam persoalan-persoalan kajian.

DAPATAN & PERBINCANGAN

Sejumlah 32 orang (22%) guru bimbingan dan kaunseling lelaki serta 108 orang (77.1%) guru bimbingan dan kaunseling perempuan terlibat dalam kajian ini. Dari segi latar belakang akademik, seramai 112 orang (80%) memiliki kelayakan di peringkat sarjana muda, manakala 28 orang (20%) lagi di peringkat sarjana. Responden kajian ini juga mempunyai pelbagai peringkat pengalaman dalam melaksanakan tugas sebagai guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah iaitu pengalaman di bawah lima tahun sejumlah 37 orang (26.4%), pengalaman antara lima hingga 10 tahun sejumlah 45 orang (32.1%), dan pengalaman melebihi 10 tahun sejumlah 58 orang (41.4%). Selain itu, terdapat 45 orang (32.1%) responden yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), manakala selebihnya seramai 95 orang (67.9%) tidak memiliki lesen pendaftaran. Jadual 1 memaparkan perincian data demografi responden kajian ini.

Jadual 1: Data Demografi Responden Kajian

Kategori		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	32	22.9
	Perempuan	108	77.1
Akademik	Sarjana Muda	112	80
	Kawalan	28	20
Tempoh Pengalaman Kerja	< 5 Tahun	37	26.4
	5 – 10 Tahun	45	32.1
	> 10 Tahun	58	41.4
Pendaftaran	Ya	45	32.1
	Tidak	95	67.9

Min tahap efikasi sendiri kaunseling responden kajian iaitu 4.31 berada dalam kategori tinggi. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan keselesaan guru kaunseling sekolah berada di *setting* tempat bertugas serta tempoh pengalaman yang telah dilalui menjadikan mereka ini berkeupayaan melaksanakan tugas seperti yang diingini. Tambahan pula, sekiranya kaunselor sekolah memperolehi kejayaan seperti kenaikan pangkat atau berjaya menyelesaikan isu-isu berat melalui sesi kaunseling, maka efikasi dirinya akan meningkat. Ini disokong oleh Gordillo (2015) yang menyatakan tahap efikasi sendiri kaunselor sekolah di bandar adalah ‘umumnya yakin’ yang menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan dirinya. Ab Rahim et al (2011) mendapati bahawa guru bimbingan dan kaunseling sekolah di Malaysia mempunyai tahap yang tinggi keberkesanan diri, oleh itu tidak mungkin mereka akan mengalami *burnout*. Efikasi sendiri yang tinggi, menjadikan memungkinkan guru-guru ini melaksanakan tugas dan memikul tanggungjawab mereka dengan cekap dan membolehkan mereka membantu pelajar sekolah

menengah mengetahui pembangunan kerjaya. Ini bermakna efikasi sendiri kaunseling ini boleh dipertingkatkan melalui latihan dan pengalaman yang dilalui oleh kaunselor sekolah tidak kira pendidikan secara formal atau tidak. Oleh itu, bagi kaunselor yang telah bekerja dan tidak lagi dalam latihan, mereka secara teorinya mempunyai lebih banyak peluang untuk mengalami pencapaian prestasi dan pulih daripada kegagalan prestasi. Bagi kaunselor pelatih, klien yang lebih mencabar mungkin memberi kesan yang kuat dan negatif terhadap efikasi sendiri mereka berbanding kaunselor yang telah bekerja (Larson & Daniel, 1998).

Skor min bagi tahap kecekapan kaunseling pelbagai budaya pula ialah 7,78. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kecekapan kaunseling pelbagai budaya berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden kajian menyedari kepentingan kecekapan kaunseling pelbagai budaya yang menuntut mereka bersedia dengan perubahan sosial yang berlaku di sekolah. Pertembungan budaya selain daripada tiga etnik iaitu Melayu, Cina dan India telah menunjukkan kepelbagaian budaya yang lain seperti kumpulan minoriti (warga asing) telah berkembang dengan pesat di institusi pendidikan. Walaupun begitu, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran guru bimbingan dan kaunseling ini boleh dipelajari secara tidak langsung melalui pengalaman menjalankan sesi yang banyak dan pelbagai. Antara faktor yang menyebabkan kecekapan keunseling pelbagai budaya berada pada tahap tinggi ialah pengetahuan terhadap budaya mengenai nilai-nilai mereka sendiri dan kepercayaan yang menjauhkan mereka dengan nilai-nilai budaya berbeza orang lain. Namun begitu, isu yang seringkali diketengahkan, adalah guru bimbingan dan kaunseling masih kurang mempunyai kesedaran terhadap nilai-nilai budaya atau melibatkan keagamaan apabila berhadapan dengan klien. Faktor kesedaran ini sering berkait dengan agama dan juga spiritual yang menunjukkan mereka cenderung untuk tidak membabitkan diri dalam aspek tersebut kerana dilihat sebagai isu kecil dalam kehidupan manusia (Mazidah et al., 2013). Hal ini disokong oleh Eun (2013) yang menyatakan kesedaran guru bimbingan dan kaunseling adalah lebih rendah berbanding pengetahuan, hubungan dan kemahiran mereka.

Analisis ujian *t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina terhadap efikasi sendiri kaunseling dalam kalangan responden yang dikaji, *t* (2.463), *p*=.015. Ini bermakna guru kaunseling lelaki mempunyai tahap efikasi sendiri kaunseling yang lebih tinggi (4.47) berbanding guru kaunselor perempuan iaitu 4.26 (rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Perbezaan Efikasi Kendiri Kaunseling Respoenden berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min	SP	t	df	Sig
Efikasi Kendiri Kaunseling	Lelaki	32	4.47	0.37	2.463	138	.015
	Perempuan	108	4.26	0.43			

*nilai p signifikan pada aras 0.05

Senario isu di sekolah kebanyakannya melibatkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar lelaki. Ini memberikan kesan atau impak yang besar tentang pengendalian kes yang bersesuaian dengan jantina guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Jika dilihat bilangan guru bimbingan dan kaunseling perempuan lebih ramai daripada guru kaunseling lelaki, namun begitu, keperluan setting tempat bertugas terutama di kawasan luar bandar dan pendalaman menuntut ketahanan guru kaunseling perempuan untuk penyesuaian diri terhadap faktor sosial, persekitaran dan budaya. Ini disokong oleh Maizatul Mardiana et al. (2014) guru kaunseling lelaki mempunyai min yang lebih tinggi berbanding guru kaunseling perempuan bagi efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan pelbagai budaya. Faktor jantina ini banyak dipengaruhi oleh faktor budaya, keselesaan, lokasi sekolah yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan kaunseling. Menurutnya lagi, faktor budaya kerja sekolah, peranan jantina serta bilangan guru kaunseling lelaki lebih sedikit berbanding guru kaunseling perempuan turut dipengaruhi kerana kebanyakan pengetua atau guru disiplin seringkali merujuk kes yang berat

seperti buli, gengster dan isu ponteng sekolah kepada guru kaunselor lelaki kerana lebih berkeupayaan. Berbanding guru lelaki, guru bimbingan dan kaunseling perempuan lazimnya lebih dipengaruhi oleh peranan dan emosi sebagai seorang ibu yang menyebabkan mereka kabur terhadap peranan atau tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar yang melakukan masalah disiplin.

Analisis ANOVA sehala pula menunjukkan wujudnya perbezaan tahap efikasi kendiri kaunseling yang signifikan berdasarkan pengalaman bertugas sebagai kaunselor sekolah sepenuh masa $F(2,137)=8.215$ dan $\text{sig}=0.000$ ($p<0.05$). Perbandingan *post-hoc* menggunakan ujian LSD menunjukkan skor min responden berdasarkan pengalaman bertugas sepenuh masa kurang dari 5 tahun dengan 5 hingga 10 tahun dengan perbezaan $\text{min}=0.32$ dan $\text{sig}=0.00$ ($p<0.05$). Seterusnya terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri kaunseling berdasarkan faktor pengalaman bertugas sebagai kaunselor sekolah sepenuh masa kurang dari 5 tahun dengan 10 tahun ke atas dengan perbezaan $\text{min}=0.31$ dan $\text{sig}=0.000$ ($p<0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri kaunseling berdasarkan pengalaman 5 hingga 10 tahun dengan dengan 10 tahun ke atas dengan perbezaan $\text{min}=0.01$ dan $\text{sig}=0.881$ ($p>0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan di antara guru bimbingan dan kaunseling yang mempunyai efikasi kendiri kaunseling berpengalaman 5 hingga 10 tahun dengan 10 tahun ke atas (rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Perbezaan Efikasi Kendiri Kaunseling Responden berdasarkan Tempoh Pengalamn Kerja

	Tempoh Pengalaman Kerja		Perbezaan min	Ralat Piawai	Sig.
Efikasi Kendiri	< 5 tahun	5 – 10 tahun	-.32272*	.09	.000
		10 tahun ke atas	-.31061*	.08	.000
Kaunseling	5 – 10 tahun	< 5 tahun	.32272*	.09	.000
		10 tahun ke atas	.01211	.08	.881
	10 tahun ke atas	< 5 tahun	.31061*	.08	.000
		5 – 10 tahun	-.01211	.08	.881

* nilai p signifikan pada aras 0.05

Tempoh pengalaman bertugas jelas telah memberi kesan bagi meningkatkan efikasi kendiri kaunseling kepada guru kaunseling kerana disebabkan faktor keselesaan di tempat bertugas. Perubahan zaman telah menyebabkan kaunselor sekolah masa kini lebih peka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan teknologi. Perkembangan isu sosial sentiasa berubah-ubah yang memerlukan kaunselor menjalani latihan atau maklumat terkini terhadap isu-isu baru. Apabila berkaitan dengan keselesaan, maka kaunselor sebelum ini berkemungkinan telah bertugas di beberapa buah sekolah disebabkan kenaikan pangkat dan sebagainya. Dapatan kajian ini disokong oleh Eun (2012) dalam kajiannya menyatakan kaunselor yang mempunyai lebih banyak pengalaman tempoh bekerja sebagai kaunselor sekolah dilaporkan mempunyai tahap efikasi kendiri kaunseling yang tinggi.

Analisis ANOVA sehala juga menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan tahap tahap kecekapan kaunseling pelbagai budaya berdasarkan pengalaman bertugas sebagai kaunselor sekolah sepenuh $F(2,137) = 3.257$ dan $\text{sig} = 0.042$. Perbandingan *post-hoc* menggunakan ujian LSD menunjukkan skor min responden berdasarkan pengalaman bertugas sepenuh masa kurang dari masa kurang dari 5 tahun dengan 5 hingga 10 tahun dengan perbezaan $\text{min} = 0.48$ dan $\text{sig} = 0.048$ ($p < 0.05$). Seterusnya terdapat perbezaan yang signifikan kecekapan kaunseling pelbagai budaya berdasarkan pengalaman bertugas sebagai kaunselor sekolah sepenuh masa kurang dari 5 tahun dengan 10 tahun ke atas dengan perbezaan $\text{min} = 0.56$ dan $\text{sig} = 0.015$ ($p < 0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecekapan kaunseling pelbagai budaya berdasarkan faktor pengalaman 5 hingga 10 tahun dengan dengan 10 tahun ke atas dengan perbezaan $\text{min} = 0.08$ dan $\text{sig} = 0.712$ ($p > 0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan kecekapan

kaunseling pelbagai budaya dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah berbilang tempoh pengalaman bekerja (rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Perbezaan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya Responden berdasarkan Tempoh Pengalaman Kerja

	Tempoh Pengalaman Kerja		Perbezaan min	Ralat Piawai	Sig.
Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya	< 5 tahun	5 – 10 tahun	-.48778*	.24	.048
		10 tahun ke atas	-.56870*	.23	.015
	5 – 10 tahun	< 5 tahun	.48778*	.24	.048
		10 tahun ke atas	.08092	.21	.712
	10 tahun ke atas	< 5 tahun	.56870*	.23	.015
		5 – 10 tahun	-.08092	.21	.712

* nilai p signifikan pada aras 0.05

Dalam erti kata lain, tempoh pengalaman bertugas telah menyebabkan kecekapan guru kaunseling terhadap kepelbagaian budaya dalam menjalankan perkhidmatan semakin tinggi. Antara faktor yang mempengaruhi adalah peredaran zaman telah menyebabkan kaunselor sekolah lebih peka dan berhati-hati bagi mengendalikan kes yang kian mencabar. Perubahan tempat bertugas atau pertukaran sekolah juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kaunselor harus bersedia menerima budaya baru di kalangan penduduk setempat. Contohnya, perbezaan budaya sekolah bandar dan pedalaman. Pengalaman bertugas ini menjadikan kaunselor sekolah semakin 'matang' dalam memahami keperluan dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya. Bagi responden dengan pengalaman 5 tahun ke bawah, ilmu pengajian yang diikuti semasa pembelajaran masih lagi segar dalam ingatan yang menunjukkan terdapat kecekapan kaunseling pelbagai budaya. Dapatan ini disokong oleh Owens (2010) yang menyatakan bahawa tahun pengalaman kaunselor bertugas adalah peramal yang signifikan bagi sub skala iaitu terminologi, pengetahuan dan kesedaran dalam kecekapan kaunseling pelbagai budaya.

Analisis korelasi Pearson yang telah dijalankan pula menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya dengan nilai pekali korelasi ($r=0.643$ dan $\text{sig}=0.000$ ($p<0.05$), seperti dipaparkan dalam Jadual 5. Ini menjelaskan bahawa efikasi sendiri kaunseling guru bimbingan dan kaunseling sekolah mempunyai perkaitan yang positif dengan kecekapan kaunseling pelbagai budaya. Oleh itu, guru bimbingan dan kaunseling sekolah dapat meningkatkan efikasi sendiri kaunseling secara tidak langsung apabila faktor budaya yang difahami serta dipelajari itu akan menjadi pengalaman baru.

Jadual 5: Hubungan antara Efikasi Kendiri Kaunseling dengan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya dalam kalangan Responden Kajian

	Hubungan	Efikasi Kendiri Kaunseling	Interpretasi
Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya	Korelasi <i>Pearson</i>	0.643**	Kuat
	Sig. (2-tailed)	0.000	
	N	140	

Selain daripada itu, dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah yang baru, kerjasama dengan rakan-rakan yang lebih berpengalaman akan dapat membantu mereka meningkatkan efikasi sendiri kaunseling. Selain itu, dengan melalui pengalaman berhadapan dengan masyarakat yang berbilang kaum, kecekapan pelbagai budaya serta efikasi sendiri guru bimbingan dan kaunseling baru juga boleh dipertingkatkan.

KESIMPULAN

Implikasi kajian ini menunjukkan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah yang memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mantap berupaya meningkatkan efikasi sendiri kaunselingnya. Corak masyarakat yang pelbagai berlaku perubahan dan cabaran seperti kedatangan pendatang asing, penceraian keluarga, kemiskinan bandar dan isu-isu remaja yang sangat mencabar pula perlu difahami dan ditangani dengan baik. Kefahaman kepelbagaian budaya yang menjadi asas kepada keperluan kaunseling pelbagai budaya juga boleh meningkatkan keyakinan diri dalam menjalankan sesi kaunseling dengan berkesan bersama klien berlainan budaya dengannya.

Natijahnya, guru bimbingan dan kaunseling harus sedar bahawa efikasi sendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya ini memerlukan latihan supaya ia dapat ditingkatkan sesuai dengan keperluan dalam perkhidmatan kaunseling. Justeru, mereka perlu mendapatkan perolehan pengetahuan berterusan untuk meningkatkan tahap kedua-dua elemen penting ini bagi memastikan profesionalisme mereka dapat terus diperkasakan pada masa hadapan

RUJUKAN

- Ahmad, A., & Sumari, M. (2014). Kaunseling di sekolah: Isu dalam menangani Klien Dirujuk. Dalam Jaladin, R.A.J., & Lau Poh Li (ed.). *Isu Profesionalisme Kaunseling di Malaysia*, hlm. 39-61. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bakar, A.R., Zakaria, N.S. & Mohamed, S. (2011). Malaysian counselors' self-efficacy: Implication for career counseling. *International Journal of Business and Management*, 6(9), 141-148.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28 (2) :117-148.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: Freeman.
- Barden, S. M. & Greene, J. H. (2015). An Investigation of Multicultural Counseling Competence and Multicultural Counseling Self-Efficacy for Counselors-in-Training. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 37(1), 41-53.
- Betoret, F.D. (2006). Stressors, self-efficacy, coping resources, and burnout among secondary school teachers in Spain. *Journal of Human Capital Development*, 26(4), 519-539.
- Bridgeland, J., & Bruce, M. (2011). National Survey of School Counselor: Counseling at A Crossroads. Retrieved from http://www.civicenterprises.net/MediaLibrary/Docs/counseling_at_a_crossroads.pdf
- Dagang, M.M., Kadir, R.A., Noah, S.M., & Baba, M. (2013). Kompetensi Kaunseling Pelbagai Budaya Dan Kompetensi Spiritual Dalam Kalangan Kaunselor Berdaftar Di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 1(2), 66-79.
- Daud, N.A.M., Samad, N.A., Jalal, F.H., & Ahmad, N. (2015). Halangan Nilai dan Budaya dalam Kalangan Kaunselor Pelatih Semasa Internship Kaunseling di Sekolah: Kajian Kes. *Jurnal Bitara Edisi Khas* (Psikologi Kaunseling).
- Eun, N.E. (2013). Relationship Between School Counselor Multicultural Counseling Competence and Self-Efficacy in Working With Recent Immigrant Students. Doctoral Dissertation, University of Maryland.
- Gaa, M. (2014). Moral Development, Counseling Self-Efficacy, and Counselors-In-Training Sexual Orientation Counseling Competencies (December). Doctoral dissertation,
- Gordillo, F. A. (2015). The Influence of Counselor Demographics, Work Experience, and Training on Counselor Self-Efficacy and Multicultural Counseling Self-Efficacy among Urban School Counselors Submitted to the Faculty of Montclair State University in partial fulfillment of t 190

- Harun,MM., Kadir, RA., & Noah, SM. (2014). Self-Perceive Multicultural Counselling Self-Efficacy Levels Among School Counselling Teachers. *Journal of Human Capital Development*, 7(2), 97–114.
- Holcomb-McCoy, C., Harris, P., Hines, E., & Johnston, G. (2008). School Counselors' Multicultural Self-Efficacy: A Preliminary Investigation. *Professional School Counseling*, 11, 166-178
- Ismail, A. (2012). Bimbingan dan Kaunseling Maklumat dan Panduan. Kajang: FARS
- Jaladin, R.A.M. (2013). Barriers and Challenges in the Practice of Multicultural Counselling in Malaysia: A Qualitative Interview Study. *Counselling Psychology Quarterly*, 26(2), 174-189.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Lam, S., Tracz, S. & Lucey, C. (2013). Age, Gender, and Ethnicity of Counsellor Trainees and Corresponding Counselling Self-Efficacy: Research Findings and Implications for Counsellor Educators. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 35(3), 172–187.
- Larson, L. M., & Daniels, J. A. (1998). Review of the counseling self-efficacy literature. *The Counseling Psychologist*, 26(2), 179–218.
- Larson, L. M., Suzuki, L. A., Gillespie, K. N., Potenza, M. T., Bechtel, M. A., & Toulouse, A. L. (1992). Development and validation of the Counseling Self-Estimate Inventory. *Journal of Counseling Psychology*, 39, 105–120.
- Owens, D., Bodenhorn, N., & Bryant, R. M. (2010). Self-efficacy and Multicultural Competence of School Counselors. *Journal of School Counseling*, 8(17), 1-20.
- Pajares, F. (2002). Overview of social cognitive theory and of self-efficacy. Retrieved from <http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/eff.html>
- Rahimm NA., & Jaafar, W.MW. (2013). Penyeliaan Kaunselor Sekolah: Peranan Dan Tanggungjawab. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan*, 664-671.
- Rohaizad, F., Kadir, RA., & Ibrahim, R. (2014). Hubungan antara Stigma Masyarakat dan Stigma Kendiri terhadap Sikap untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling. *JPBU vol 7*, 106–113.
- Salim, NM. & Sumari, M. (2014). Pengujian dalam Kaunseling dan Psikologi. Dlm. Rafidah Aga Mohd Jaladin & Lau Poh Li (pnyt.). *Isu Profesionalisme Kaunseling di Malaysia*, hlm. 107-138. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Schiele, B. E., Weist, M. D., Youngstrom, E. a, Stephan, S. H. & Lever, N. a. (2014). Counseling Self-Efficacy, Quality of Services and Knowledge of Evidence-Based Practices in School Mental Health. *Professional Counselor*, 4(5), 467–480.
- Shaghir, HA. (2006). Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya, Efikasi Swadiri dan Ikatan Kerjasama Kaunselor-Klien di Sekolah Menengah di Malaysia. Doctoral Dissertation, Putra University Malaysia.
- Shah, KM. & Amat, S. (2014). Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya Dalam Kalangan Guru Kaunseling. Sekolah Menengah. *Jurnal Melewar*. Bil 17. 115-137.
- Shah, KM. (2014). Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya Dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah. Disertasi Doktor Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sue, D.W., Arredondo, P. & McDavis, R. (1992). Multicultural Counseling Competencies and Standards: A Call to The Profession. *Journal of Multicultural and Development* 20: 45-52.
- Sue, D.W., Arredondo, P., McDavis, R.J. & Roderick, J. (1992). Multicultural Competencies Standards: A Call to The Profession. *Journal of Multicultural and Development*, 70, 447-486.
- Sumari,M., Tharbe, I.H.N., Khalid, NM.. & Nor, A.M.. (2014). Teori Kaunseling dan Psikoterapi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sutton, M. J & Falls, M. (1995). The Relationship Of Schools Climate Factors To Counselor Self Efficacy. *Journal Of Counseling Development*, 73, 331-336.

Noor, Aida N., dkk.(2018). Efikasi Kendiri Kaunseling dan Kecekapan Kaunseling Pelbagai Budaya dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*, 2 (2), 14-21, <http://dx.doi.org/10.20961/jpk.v2i2.16286>

Watson, J. C. (2012). Online Learning and the Development of Counseling Self-Efficacy Beliefs. *The Professional Counselor*, 2(2), 143–151.

West-olatunji, C., Jean-paul, N., Shure, L., Goodman, R. D. & Lewis, D. (2014). Culture-centered Research and Counselor Efficacy. *Turkish Psychological Counseling and Guidance Journal*, 5(43), 129-137.